

Rayuan ke atas status keputusan Penilaian / Penyemakan Semula Skrip
Jawapan peperiksaan akhir

Merujuk kepada keputusan Mesyuarat Lembaga Peperiksaan Dan Penganugerahan Sijil/Diploma di Johor Bharu pada 27 Julai 2007, sebarang rayuan yang dibuat oleh pelajar untuk mengubah status peperiksaan tidak akan dipertimbangkan jika keputusan sedemikian adalah disebabkan oleh pelajar tidak dibenarkan menduduki peperiksaan (kehadiran kurang dari 80 peratus). Rayuan hanya akan dipertimbangkan jika pelajar menduduki peperiksaan dan gagal.

Permohonan atau rayuan untuk mengubah status peperiksaan hanya akan dilayan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh keputusan rasmi iaitu dari **02 hingga 14 Januari 2010**. **Rayuan yang dibuat selepas dari tarikh tersebut tidak akan dilayan.**

Permohonan atau rayuan untuk menyemak semula skrip jawapan peperiksaan hanya akan dilayan dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh keputusan rasmi iaitu dari **02 hingga 14 Januari 2010**.

Surat rayuan untuk menyemak semula skrip jawapan peperiksaan hendaklah disertakan dengan bayaran wang pos RM 25.00 bagi setiap kursus. Wang pos adalah atas nama "PENGARAH POLITEKNIK"

(Rujuk Buku Arahan-Arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian Para 24 ms 28 dan Para 25 Ms. 29)